

## MODEL JATI DIRI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA

Mohd Mahadee Ismail

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia  
E-mail: [mahadee@upm.edu.my](mailto:mahadee@upm.edu.my)

Nur Shaqirah Md Yunan

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia  
E-mail: [GS64566@student.upm.edu.my](mailto:GS64566@student.upm.edu.my)

### ABSTRAK

Semangat kesukarelawanan merupakan satu tuntutan dalam kerangka perpaduan nasional bagi sesebuah negara dalam mendepani cabaran mendatang yang semakin mencabar. Di era dunia yang dilingkari dengan arus kemodenan, pelbagai bentuk perubahan besar telah berlaku ke atas masyarakat dan negara. Perubahan tersebut bukan sahaja merubah nilai masyarakat ke arah lebih bersifat individualistik dan materialistik tetapi telah menyebabkan masyarakat tidak lagi mengendahkan keadaan sekeliling dan telah melunturkan tradisi kesukarelawanan. Semangat kesukarelawanan, keterlibatan dalam sesuatu perkara, tradisi berkongsi dan amalan membantu semakin luntur apabila masyarakat bersikap individualistik. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan organisasi kesukarelawanan, namun usaha tersebut kurang berhasil kerana tidak terdapat panduan yang betul untuk meningkatkan semangat kesukarelawanan ini. Oleh itu, kajian ini akan memberi fokus terhadap pembinaan model jati diri kesukarelawanan belia di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui tinjauan soal selidik yang melibatkan seramai 1026 responden sukarelawan belia. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian SMART-PLS versi 4.0 untuk mencapai objektif kajian. Hasil daripada kajian ini, satu model jati diri kesukarelawanan belia terbentuk bagi memberi panduan kepada kerajaan dan organisasi kesukarelawanan. Model tersebut telah menunjukkan bahawa faktor dalaman lebih kuat mendorong jati diri kesukarelawanan berbanding faktor luaran. Justeru itu, faktor dalaman haruslah diberi penekanan utama supaya golongan belia mempunyai jati diri yang kukuh untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Penemuan ini memberikan panduan berharga kepada kerajaan dan organisasi kesukarelawanan untuk merangka program dan polisi yang lebih berfokus kepada aspek pembangunan diri dan motivasi intrinsik belia. Dengan memberi penekanan kepada faktor dalaman, usaha memperkasa belia melalui kesukarelawanan dapat dijalankan dengan lebih efektif, seterusnya membina generasi muda yang mempunyai jati diri kukuh dan komited dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

**Kata kunci:** Jati Diri Kesukarelawan, Model SMART-PLS, faktor intrinsik dan Belia Malaysia.

### 1. Pengenalan

Dalam era dunia tanpa sempadan, pelbagai bentuk pemodenan, kemajuan dan inovasi teknologi telah berjaya dinikmati oleh manusia. Akibatnya, pelbagai bentuk perubahan ketara telah berlaku dalam masyarakat dan negara daripada kedua-dua dimensi iaitu positif dan negatif. Dari perspektif positif, pemodenan dan kemajuan ini telah memudahkan akses kepada maklumat dan komunikasi, meningkat kecekapan, produktiviti dan hasil kerja, mempercepatkan proses pengeluaran dan menyediakan pelbagai penyelesaian untuk manusia menghadapi cabaran dan seterusnya menambah baik kualiti hidup. Namun, pemodenan dan kemajuan ini turut membawa impak negatif, yang boleh menyebabkan pengasingan sosial, perubahan tingkah laku manusia dan gaya hidup moden, serta banyak lagi. Apa yang penting ialah perubahan ini bukan sahaja merubah nilai masyarakat ke arah lebih individualistik dan materialistik (Oesterle et al., 2004; Jardim & da Silva, 2018) tetapi turut menyebabkan masyarakat tidak lagi mengendahkan kepada keadaan sekeliling (Wasitah, 2013) dan telah memudar tradisi sukarela (Saifuddin, 2001).

Semangat kesukarelawanan, penglibatan dalam masyarakat, tradisi berkongsi dan amalan tolong menolong semakin pudar apabila masyarakat menjadi lebih individualistik (Clary & Snyder, 1999).

Ini terbukti apabila Indeks Belia Malaysia (IBM) yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) menjadi parameter dalam mengukur sembilan domain kesejahteraan belia yang mengandungi penunjuk sukarelawan telah menunjukkan penurunan pada tahun 2011 iaitu sebanyak 65.4 peratus berbanding dengan 2008 iaitu 67.4 peratus (Wasitah, 2013). Kajian Penilaian Hasil Indeks Belia Malaysia 2019 yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia menunjukkan bahawa di bawah Domain Identiti, petunjuk sukarelawan masih pada tahap sederhana dengan markah 60.93 peratus. Selain itu, penilaian terhadap program sukarelawan khususnya daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO), berada pada 60 peratus, iaitu dalam kategori memuaskan (JBSN, 2019). Kajian Rokiah dan Lilah (2016) juga menunjukkan penghayatan belia terhadap semangat kesukarelawanan adalah memuaskan dan untuk konstruk perasaan, kajian mereka menunjukkan bahawa semangat kesukarelawanan masih lagi rapuh. Menyedari perkembangan yang kurang memberangsangkan ini, kerajaan telah melancarkan pendekatan pelbagai dimensi untuk meningkatkan penglibatan masyarakat umum dan golongan belia, khususnya dalam aktiviti kesukarelawanan.

Usaha menyokong aktiviti kesukarelawanan dan mereka bentuk program untuk memupuk nilai murni dalam kalangan generasi muda telah dilaksanakan menerusi pelbagai wadah (Wasitah, 2013). Beberapa inisiatif termasuk program Rakan Muda, Impact Malaysia, IM4U dan banyak lagi, termasuk bekerjasama dengan NGO untuk meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan. Jati diri kesukarelawanan perlu dipupuk dan disemai daripada awal kerana ia adalah asas dan teras kepada masyarakat yang mengambil berat, bertanggungjawab dan membantu satu sama lain tanpa mengira agama, etnik atau perbezaan sosio-budaya. Usaha untuk menguatkan aktiviti kesukarelawanan sentiasa menjadi keutamaan untuk digalakkan oleh kerajaan menerusi penglibatan generasi muda khususnya dalam aktiviti kemanusiaan dan kemasyarakatan. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor dalaman dan luaran atau elemen yang mempengaruhi pembentukan jati diri sukarelawan belia Malaysia. Untuk mencapai matlamat tersebut, satu kajian telah dijalankan melibatkan pelbagai organisasi sukarela untuk mengenal pasti faktor dalaman dan luaran. Kemudian, kajian ini telah berjaya membentuk Model Jati Diri Sukarelawan Belia Malaysia sebagai petunjuk, indikator atau garis panduan bagi usaha menyemai jati diri yang kukuh melalui faktor dalaman dan luaran di persekitaran seseorang sukarelawan.

## 2. Sorotan Konsep Kesukarelawanan

Kesukarelawanan adalah aktiviti murni yang sangat digalakkan dalam masyarakat. Aktiviti ini melibatkan kerja sukarela, iaitu seseorang yang mengabdikan diri atau memberikan khidmat dan sumbangan untuk membantu orang lain, iaitu dengan rela hati tanpa paksaan dan dengan niat yang ikhlas (Azizan, 2003; Nur Raihan & Azizan, 2013) tanpa mengharapkan atau menjangka apa-apa sebagai balasan atau apa-apa ganjaran material dan benar-benar bebas daripada pengaruh mana-mana pihak (Musick & Wilson, 2003). Sukarelawan adalah satu tindakan membantu yang dilakukan oleh individu, yang berharga kepadanya dan pada masa yang sama, tidak bertujuan untuk mendapatkan imbuhan material atau dipaksa oleh orang lain (Turiman, 2009). Wilson (2000) telah mentakrifkan aktiviti sukarelawan sebagai “apa-apa aktiviti di mana masa diberikan secara bebas untuk manfaat orang lain, kumpulan atau sebab”. Daripada itu, aktiviti kesukarelawanan boleh dikaitkan dengan kerja amal dan kebajikan yang dijalankan oleh seseorang individu atau secara berkumpulan terhadap orang yang perlukan bantuan. Ia juga berkait rapat dengan semua kerja amal dan kebajikan yang dihulurkan tanpa mengharapkan apa-apa pulangan, sama ada dalam upah, pembayaran atau pertukaran barang (Bezruchka, 2000). Eyler (1999) dan Geiser et al. (2014) berpendapat bahawa biasanya tiada unsur mementingkan diri sendiri kerana perkhidmatan yang diberikan semata-mata untuk kebaikan semua pihak dalam meningkatkan kualiti hidup manusia.

Sukarelawan juga lebih kepada mengasah kemahiran, proses sosialisasi dan akan lahir keseronokan apabila bersama membantu orang lain (Roberts, 2006). Sukarelawan harus gembira untuk membantu, menyumbang dan menghulurkan bantuan kepada seseorang atau pihak lain, walaupun tanpa ganjaran ketara atau tidak ketara (Xu & Ngai, 2011). Menurut Musick dan Wilson (2003) dan Wilson (2000), istilah sukarelawan ditafsirkan sebagai individu atau sekumpulan individu yang luar biasa dari segi peribadi ciri dan keikhlasan terhadap khidmat sukarela, kerja kemasyarakatan atau usaha kemanusiaan yang mereka ceburi melibatkan aktiviti seperti gotong-royong, tolong-menolong dan meringankan beban pihak lain.

Aktiviti kesukarelawanan adalah penting dalam pembangunan masyarakat kerana sukarelawan boleh menyumbang kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan tenaga (Dorsch et al., 2002) untuk kesejahteraan bersama. Dengan khidmat sukarelawan, banyak aktiviti dalam masyarakat dan pelbagai sektor lain dapat beroperasi dengan lancar (Wu et al., 2009). Penglibatan daripada belia dalam aktiviti kesukarelawanan amat digalakkan bukan sahaja untuk membantu pembangunan dalam masyarakat dan meringankan beban mangsa bencana tetapi juga menggalakkan penglibatan dalam aktiviti sihat dan mengelakkan penglibatan belia dalam pelbagai kancas masalah sosial. Dapatan kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2013) dan Majlis Belia Malaysia (2010) menegaskan bahawa 27.1 peratus belia menghargai aktiviti sukarela. Banyak kajian telah mengesahkan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukarelawan telah terbukti membawa kesan positif ke atas banyak aspek pembangunan belia, seperti sosial, kognitif dan perkembangan psikologi (Kuperminc et al., 2001), pembangunan identiti dan kesedaran politik (Youniss et al., 2001), pengurangan faktor risiko (Allen et al., 1994) dan perkembangan autonomi serta rasa kekitaan bersama (Allen et al., 1994; McKinney, 2002).

Kesukarelawanan juga merupakan peluang untuk pembangunan kemahiran dan pengembangan kurikulum (Jardim & da Silva, 2018). Saifuddin (2001) berpendapat bahawa penglibatan dalam kesukarelawanan membuka peluang kepada belia untuk mengembangkan potensi mereka, seperti kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, bekerjasama dan membantu membangunkan peluang kerjaya. Selain itu, dengan melibatkan diri dalam kesukarelawanan, belia boleh mengelak dan mencegah diri mereka sendiri daripada terperangkap dalam tingkah laku anti-sosial dan boleh membimbing serta memulihkan pesalah juvana (Brewis et al., 2010; Hill & Russell, 2009). Kajian mengenai kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur telah terbukti memberi impak yang positif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti kesukarelawanan telah memberi kesan kepada pelbagai aspek seperti gaya hidup sihat, muhasabah diri, penyayang, kemahiran diri dan memperluaskan rangkaian kenalan. Altman dan Feighery (2004) mengatakan bahawa penglibatan belia dalam kerja sukarela boleh menjauhkan mereka daripada anti-aktiviti sosial dan tingkah laku jenayah dan menjadikan mereka bertanggungjawab untuk mengekalkan maruah keluarga, masyarakat, dan nama baik negara (Ludden, 2011). Amalan murni sukarelawan akan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk belia, keluarga dan masyarakat, khususnya dalam mengurangkan ketakutan jenayah dalam masyarakat serta menjana keyakinan masyarakat setempat terhadap keprihatinan kerajaan dan tanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran yang selamat serta terjamin (Unit Perancang Ekonomi, 2004).

Dengan itu, penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan memberi impak terbaik kepada sahsiah pembentukan diri, nilai, kepercayaan, motivasi dan secara langsung membangkitkan jati diri. Ia menjadikan mereka ikon, model atau contoh terbaik untuk belia lain dan ejen sosial terbaik dalam membantu kerajaan mencapai kesejahteraan yang holistik. Tanggungjawab membangunkan belia tidak bersandar di bahu kerajaan semata-mata; namun, ia adalah tanggungjawab bersama masyarakat secara keseluruhannya, tidak kira di mana mereka berada. Tambahan pula, belia adalah

aset masa depan negara yang menjadi pemangkin pembangunan sebuah negara khususnya dalam menghadapi pelbagai cabaran masa hadapan.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui teknik tinjauan menggunakan soal selidik yang diedarkan dalam talian melalui aplikasi *Google Form*. Para responden telah dipilih secara rawak daripada ahli yang terlibat secara aktif dalam pelbagai organisasi sukarelawan. Sasaran responden adalah sukarelawan yang berumur 15 hingga 40 tahun, melibatkan lelaki dan wanita daripada pelbagai kumpulan etnik. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat ialah 1,000, termasuk mereka yang aktif dengan pelbagai organisasi dan aktiviti sukarelawan. Responden kajian ini dipilih daripada beberapa zon utama yang melibatkan;

- (i) Zon Tengah – Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Perak;
- (ii) Zon Timur – Kelantan, Terengganu dan Pahang;
- (iii) Zon Utara – Perlis, Kedah dan Pulau Pinang;
- (iv) Zon Selatan – Negeri Sembilan, Johor dan Melaka;
- (v) Zon Malaysia Timur - Sabah dan Sarawak.

Setiap zon melibatkan seramai 200 orang responden. Piawaian untuk menetapkan saiz sampel adalah seperti yang dicadangkan oleh Kline (2005) dan Hair et al. (2010), iaitu dengan menggunakan nisbah saiz sampel kepada bilangan parameter model yang merupakan item yang digunakan dalam soal selidik dengan nisbah minimum 5:1 hingga 10:1. Nisbah yang lebih besar diperlukan dalam situasi di mana data tidak memenuhi andaian kenormalan multivariate (Hair et al., 2010) seperti kes dalam kebanyakan kajian sebenar (Byrne, 2010). Secara purata, bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini adalah antara 100 responden setiap zon (50 pembolehubah komposit x 2 per-responden item) kepada 200 responden setiap zon (50 pembolehubah komposit x 4 setiap item responden). Pengkaji telah menganggap semua pembolehubah komposit yang sesuai bagi kajian ini iaitu lebih kurang 20 x 10 responden setiap item menjadikan jumlah keseluruhan saiz sampel yang diperlukan untuk setiap zon 200 responden. Jumlah soal selidik yang diedarkan dalam kalangan sukarelawan melebihi 200 responden bagi setiap zon. Dari itu, jumlah keseluruhan responden yang berjaya diperolehi bagi kajian ini ialah 1,026 responden. Kemudian, data dianalisis menggunakan SMART-PLS untuk membentuk model jati diri sukarelawan belia Malaysia.

### 4. Hasil Kajian


Secara keseluruhannya, jumlah data yang berjaya dikumpul ialah 1,026 responden; namun, hanya 1,000 soal selidik telah dianalisis. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 496 (49.6%) lelaki dan 504 (50.4%) perempuan. Dari pengagihan segi agama, secara amnya, majoriti responden adalah beragama Islam, iaitu 936 responden (93.6%), 29 responden (0.3%) beragama Kristian, beragama Hindu 20 responden (2.0%), beragama Buddha ialah 12 responden (1.2%) dan penganut lain-lain agama ialah tiga orang responden (0.3%). Daripada taburan yang diperolehi secara rawak ini, ia boleh dinyatakan bahawa sampel kajian merangkumi pelbagai taburan agama dalam Malaysia, walaupun jumlahnya tidak sekata. Namun begitu, pengagihan agama tidak digunakan sebagai penunjuk utama untuk menentukan saiz sampel kajian.

Mengenai taburan umur responden, secara amnya, 30.7% (307 responden) berumur 15 hingga 20 tahun merupakan penyumbang tertinggi kepada kajian ini, manakala 27% (270 responden) berumur antara 21 hingga 25 tahun. Bilangan responden berumur 26 hingga 30 adalah sebanyak 11.7% (117 responden), dan responden berumur antara 31 hingga 35 tahun adalah sebanyak 15.7% (157


responden). Bilangan responden berumur antara 36 hingga 40 tahun ialah 14.9% (149 responden). Daripada taburan kumpulan etnik pula, kebanyakan responden adalah terdiri daripada orang Melayu iaitu seramai 923 responden (92.3%). Sementara itu, Bumiputera dari Sabah dan Sarawak adalah seramai 36 responden (3.6%) dan kumpulan etnik India seramai 22 responden (2.2%). Di samping itu, kumpulan etnik Cina adalah seramai 17 responden (1.7%) dan Orang Asli hanyalah dua responden (0.2%) sahaja.

Rajah 1 menunjukkan Model Jati Diri Kesukarelawan Belia Malaysia yang berjaya dibentuk menggunakan perisian Smart-PLS. Model ini telah mematuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk membangunkan sesebuah model. Selepas beberapa prosedur telah dipenuhi untuk membentuk model, semua ukuran telah mencapai tahap konsistensi yang diperlukan. Model ini menunjukkan hubungan antara dua faktor utama yang membentuk jati diri kesukarelawan belia, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Asasnya faktor dalaman merangkumi elemen personal dalam diri individu, seperti motivasi intrinsik, nilai-nilai peribadi, kepercayaan dan kepuasan sendiri. Sementara itu, faktor luaran melibatkan elemen di luar diri individu yang mempengaruhi jati diri kesukarelawan, seperti sokongan sosial, persekitaran, peluang sukarelawan dan ganjaran luaran.

Rajah 1: Model Jati Diri Kesukarelawan Belia Malaysia



Rajah 2: Elemen dalaman dan luaran Model Jati Diri Kesukarelawan Belia Malaysia




Rajah 2 menunjukkan pengaruh unsur dalaman dan luaran terhadap jati diri melalui *path coefficient*. *Path coefficient* mewakili kekuatan dan arah hubungan antara pembolehubah dalam model. Dalam kes ini, kedua-dua unsur dalaman dan unsur luaran mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawanan. Elemen dalaman (IE) dengan *path coefficient* 0.628 dan elemen luaran (EE) dengan *path coefficient* 0.275 menunjukkan arah hubungan, manakala magnitud menunjukkan kekuatan. Kedua-dua pekali positif menunjukkan hubungan positif antara dua komponen ini dengan jati diri kesukarelawanan.

Elemen dalaman merujuk kepada faktor atau ciri yang ada dalam diri seseorang individu. Elemen ini termasuk nilai peribadi, personaliti, watak, karakter, kepercayaan, sikap, persepsi diri, emosi dan motivasi intrinsik. *Path coefficient* 0.628 menunjukkan elemen dalaman yang kuat pengaruh positif terhadap jati diri. Ia bermaksud apabila unsur dalaman berubah atau meningkat, jati diri kesukarelawanan juga akan turut meningkat. Keadaan ini menggambarkan bahawa nilai peribadi, personaliti, watak, karakter, kepercayaan, sikap, persepsi diri, emosi dan motivasi intrinsik yang kuat pada diri sendiri akan menyumbang secara signifikan kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan.

Elemen luaran pula merujuk kepada faktor atau pengaruh daripada persekitaran luaran (luar dari diri individu), seperti keluarga, rakan sebaya, interaksi sosial, norma masyarakat, pengaruh politik, organisasi kesukarelawanan, faktor budaya dan pelbagai lagi. *Path coefficient* bagi elemen luaran adalah 0.275 menunjukkan pengaruh signifikan positif faktor luaran terhadap jati diri kesukarelawanan, walaupun tidak sekuat elemen dalaman. Ini bermakna bahawa perubahan faktor luaran, seperti pengaruh budaya atau sosial, juga memberi kesan positif kepada jati diri kesukarelawanan. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa walaupun faktor luaran dapat meningkatkan jati diri kesukarelawanan belia, namun kesannya adalah lebih kecil berbanding pengaruh elemen dalaman. Kedua-dua elemen yang positif menjelaskan bahawa peningkatan dalam kedua-dua elemen ini akan meningkatkan jati diri kesukarelawanan seseorang belia.

Dari segi praktikal, kedua-dua elemen dalaman dan luaran mempunyai pengaruh yang secara relatifnya signifikan dalam proses pembentukan jati diri kesukarelawanan. Apa yang nyata, kepentingan relatif setiap satu elemen bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk nilai peribadi individu, konteks budaya dan pengalaman hidup. Pengaruh hubungan boleh difahami dengan jumlah wajaran bagi kedua-dua *path coefficient*: Jati diri = 0.628 (Elemen Dalaman) + 0.275 (Elemen Luaran). Ini bermakna, untuk memupuk jati diri kesukarelawanan, adalah penting untuk memberi penekanan yang lebih kepada berfokus terhadap pembangunan faktor dalaman individu. Perkara ini boleh dilakukan melalui program atau aktiviti yang memupuk nilai peribadi, meningkatkan motivasi intrinsik dan memperkukuh keyakinan diri. Walau bagaimanapun, faktor luaran tidak boleh diabaikan kerana ia juga memberikan sumbangan tersendiri kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan walaupun dalam magnitud yang lebih kecil. Program sokongan sosial dan pembangunan masyarakat juga perlu diberi perhatian untuk memastikan persekitaran yang kondusif bagi pembentukan jati diri kesukarelawanan yang lebih holistik.

Rajah 3: Elemen Dalam Model Jati Diri Kesukarelawan Belia Malaysia



Rajah 3 menunjukkan komponen spesifik bagi elemen dalaman yang menyumbang kepada pembentukan jati diri kesukarelawan. Indikator yang digunakan ialah nilai *R-square*, iaitu pengukuran statistik dalam analisis regresi bagi menilai tahap ketekalan model regresi yang dibangunkan, di mana nilai tersebut menerangkan variasi dalam pembolehubah bersandar. Antara nilai *R-square* elemen dalaman yang tinggi dan signifikan ialah;

(i) Prihatin (0.776) paling utama dalam menyumbang pembentukan jati diri seseorang sukarelawan. Ini menunjukkan bahawa individu yang bersifat lebih peka dan bersikap suka ambil berat permasalahan orang lain lebih cenderung untuk menjadi seorang sukarelawan yang baik. Individu yang prihatin biasanya mempunyai tahap kesedaran sosial yang tinggi. Mereka mampu mengenal pasti isu atau masalah dalam masyarakat dan merasakan tanggungjawab untuk membantu menyelesaikannya. Kesedaran sosial ini adalah kunci dalam memupuk semangat kesukarelawanan kerana ia mencetuskan dorongan dalaman untuk membuat perubahan yang positif.

(ii) Ikhlas dan Jujur (0.771) adalah elemen kedua penting dalam proses pembentukan jati diri kesukarelawan. Sifat ikhlas dan jujur merujuk kepada kesungguhan dan ketulusan hati individu dalam memberikan khidmat mereka tanpa mengharapkan ganjaran atau balasan. Sukarelawan yang mempunyai sifat ini akan lebih komited terhadap peranan mereka, kerana mereka merasakan khidmat untuk membantu masyarakat adalah untuk manfaat bersama. Mereka akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan tugas mereka dengan baik dan nilai ini merupakan asas kepada jati diri yang kukuh dan berwibawa.

(iii) Tanggungjawab (0.770) ialah faktor ketiga penting dalam pembentukan jati diri kesukarelawan. Sikap tanggungjawab merujuk kepada kesediaan individu untuk memikul dan

melaksanakan tugas serta amanah dengan sebaik mungkin. Ini menunjukkan bahawa individu mempunyai sikap tanggungjawab tinggi berpotensi untuk menjadi seorang sukarelawan yang baik. Individu yang bertanggungjawab menunjukkan kesediaan mereka untuk memikul amanah dan tugas yang diberikan. Dalam konteks kesukarelawanan, ini bermakna sukarelawan akan bersungguh-sungguh melaksanakan tugas mereka, tidak kira betapa sukar atau mencabar keadaan tersebut.

(iv) Berminda kreatif dan inovatif (0.756), di mana individu yang berfikiran kreatif, mempunyai daya kreativiti dan inovasi membentuk jati diri kesukarelawanan yang kukuh. Sifat ini merujuk kepada kemampuan individu untuk berfikir di luar kotak, mencipta idea baru dan menyelesaikan masalah dengan cara yang inovatif. Dengan kata lain, individu yang berfikiran kreatif dan inovatif mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan, menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa berubah, mencipta peluang baru, memotivasi diri sendiri dan rakan sepasukan, serta berkeupayaan meningkatkan kerjasama dalam kumpulan. Oleh itu, dengan memupuk sifat kreatif dan inovatif menjadi salah satu kunci kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan yang kukuh.

(v) Mematuhi arahan (0.745), di mana merujuk kepada kesediaan individu untuk mengikuti garis panduan, peraturan dan arahan yang diberikan oleh pihak yang berkuasa atau ketua pasukan. Ini bermakna sikap mematuhi arahan memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri seorang sukarelawan. Individu yang mematuhi arahan dapat memastikan keselarasan dan kesatuan dalam pasukan, kepatuhan kepada prosedur keselamatan, keberkesanan dalam pelaksanaan tugas, serta menunjukkan disiplin dan tanggungjawab yang tinggi. Sikap ini juga membantu dalam membina hubungan yang baik dengan pihak berkuasa dan rakan sukarelawan.

(vi) Kesedaran kepentingan ilmu (0.742) menjadi salah satu elemen dalaman yang mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawanan. Kesedaran ini merujuk kepada pengiktirafan dan pemahaman individu terhadap nilai dan peranan ilmu pengetahuan dalam kehidupan mereka serta dalam konteks masyarakat. Dengan memiliki ilmu pengetahuan, individu dapat mengenali potensi diri dan bagaimana mereka boleh memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Keadaan ini membolehkan individu menjadi lebih berpengetahuan, kritis dan empatik, serta memotivasi mereka untuk terus terlibat secara aktif dalam aktiviti kesukarelawanan.

(vii) Nilai ihsan (0.719) pada diri individu turut menjadi salah satu elemen dalaman yang mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawanan. Ihsan, yang bermaksud perbuatan baik dengan niat yang tulus ikhlas dan penuh kasih sayang, memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku seseorang individu. Nilai ihsan bukan sahaja mempengaruhi cara individu melaksanakan tugas mereka, tetapi juga membentuk sikap dan nilai peribadi mulia. Dengan memiliki nilai ihsan, individu dapat memberikan bantuan dengan lebih berkesan, penuh rasa empati dan ikhlas, yang akhirnya membawa manfaat yang lebih besar kepada masyarakat.

(viii) Kasih sayang (0.711) yang terpupuk pada diri individu juga menjadi pemangkin kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan. Individu yang dipenuhi dengan kasih sayang cenderung untuk membantu orang lain dengan niat yang ikhlas. Mereka tidak mengharapkan sebarang ganjaran atau pujian, sebaliknya, mereka membantu kerana rasa kasih dan kepedulian




terhadap orang lain. Nilai kasih sayang membantu individu untuk merasakan apa yang dirasakan oleh orang lain. Rasa empati ini penting dalam kesukarelawanan kerana ia mendorong individu untuk memahami keperluan dan penderitaan orang lain. Keadaan ini bukan sahaja mendorong individu untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan, tetapi juga membentuk cara mereka menginterpretasi penderitaan orang lain dan melihat masyarakat sebagai sebuah keluarga besar yang perlu dijaga dan dibantu.

(ix) Perjuangan (0.706) diri individu turut menjadi pemangkin kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan. Perjuangan diri merujuk kepada usaha dan kesungguhan individu dalam menghadapi dan mengatasi cabaran, serta mencapai matlamat peribadi dan kolektif. Individu yang mempunyai semangat perjuangan diri lebih tabah dalam menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan khususnya dalam aktiviti kesukarelawanan. Mereka tidak mudah berputus asa dan terus berusaha walaupun berhadapan dengan kesulitan. Ketabahan ini adalah penting untuk memastikan kesinambungan dan kejayaan aktiviti kesukarelawanan.

(x) Pemikiran positif (0.703) mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawanan. Pemikiran positif merujuk kepada sikap mental yang optimistik dan kepercayaan bahawa hasil yang baik boleh dicapai melalui usaha dan keazaman. Individu dengan pemikiran positif cenderung untuk melihat cabaran sebagai peluang dan bukan halangan. Sikap optimistik ini membantu mereka untuk kekal bersemangat dan berfokus walaupun menghadapi kesukaran. Mereka percaya bahawa usaha mereka akan membawa kepada perubahan positif, yang memotivasi mereka untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi.

Indikator menerusi nilai *R-square* menunjukkan bahagian varians dalam diri individu yang boleh menjelaskan setiap elemen dalaman yang membentuk jati diri kesukarelawanan. Nilai *R-square* yang lebih tinggi menunjukkan pengaruh lebih besar terhadap pembentukan jati diri. Dalam hal ini, nilai prihatin, ikhlas dan jujur, tanggungjawab, pemikiran kreatif dan inovatif, sikap patuh kepada arahan, kesedaran kepentingan ilmu, nilai ihsan, kasih sayang, perjuangan dan pemikiran positif merupakan faktor dalaman yang paling menonjol dalam membentuk jati diri kesukarelawanan belia. Dalam pada itu, elemen-elemen dalaman yang lain juga mempunyai nilai *R-square* signifikan tersendiri dalam pembentukan jati diri kesukarelawanan belia, yang tidak boleh diabaikan. Dari itu, dengan memahami komponen teras ini, ia boleh menjadi indikator asas bagi sesebuah organisasi kesukarelawanan untuk merekrut, menggalakkan, melatih, melibatkan diri dan mengekalkan semangat sukarelawan dalam diri individu khususnya dalam usaha untuk membentuk dan memupuk jati diri kesukarelawanan belia di Malaysia.

Rajah 4: Elemen Luaran Model Jati Diri Kesukarelawan Belia Malaysia



Rajah 4 menunjukkan komponen elemen luaran yang menyumbang kepada pembentukan jati diri kesukarelawan belia dengan indikator nilai *R-square*. Elemen luaran secara langsung mempunyai pengaruh yang relatif signifikan dalam pembentukan pemupukan jati diri kesukarelawan khususnya interpretasi individu dalam memberikan khidmat bakti kepada masyarakat. Elemen-elemen ini merujuk kepada faktor-faktor persekitaran dan konteks sosial individu yang mempengaruhi dan membentuk sikap serta tingkah laku kesukarelawan. Dengan sokongan dan pengaruh positif daripada elemen luaran ini, individu lebih berkemampuan untuk mengembangkan sikap dan nilai-nilai kesukarelawan yang kuat, seterusnya memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Antara komponen utama elemen luaran ini ialah;

(i) Pengaruh motivasi ekstrinsik (0.678) menjadi pemangkin utama elemen luaran yang mempengaruhi pembentukan jati diri kesukarelawan belia. Motivasi ekstrinsik merujuk kepada dorongan dari luar yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu, sering kali disebabkan oleh ganjaran atau pengiktirafan. Pengiktirafan dalam bentuk pujian, sijil penghargaan atau anugerah kesukarelawan dapat meningkatkan motivasi individu untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Apabila usaha mereka dihargai, seseorang individu merasa dihargai dan termotivasi untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat. Ganjaran material seperti elaun atau insentif juga boleh mendorong mereka untuk mengambil bahagian dengan lebih aktif dalam program kesukarelawan.

(ii) Faktor organisasi (0.662) juga menjadi elemen luaran yang penting dalam pembentukan jati diri kesukarelawan belia. Faktor organisasi merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh pelbagai institusi dan organisasi dalam membentuk serta menyokong aktiviti kesukarelawan. Organisasi kesukarelawan sering kali mempunyai sistem mentor di mana sukarelawan yang berpengalaman akan membimbing individu yang baru. Bimbingan dari mentor membantu seseorang individu untuk memahami tanggungjawab mereka dan bagaimana untuk menjalankan tugas-tugas kesukarelawan dengan berkesan. Organisasi kesukarelawan berperanan menyediakan platform untuk individu berinteraksi dengan individu atau ahli kumpulan

lain yang mempunyai minat yang sama. Peluang untuk jaringan dan kolaborasi ini akan memperluas rangkaian sosial individu dan memberi mereka peluang untuk belajar dari pengalaman orang lain. Kolaborasi dengan pelbagai pihak juga memperkayakan pengalaman kesukarelawanan dan menguatkan jati diri sukarelawan.


(iii) Kecenderungan media sosial dan isu semasa (0.652). Kecenderungan penggunaan media sosial dan pendedahan terhadap isu-isu semasa memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan mendorong penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan. Media sosial merupakan platform utama untuk penyebaran maklumat dan kesedaran mengenai pelbagai isu semasa dan keperluan kesukarelawanan. Berita tentang bencana alam, krisis kemanusiaan atau kempen kesedaran sosial dengan cepat dapat disebarkan melalui platform seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *TikTok*. Pendedahan terhadap isu-isu ini meningkatkan kesedaran belia tentang kepentingan membantu dan menyumbang kepada masyarakat.

(iv) Peluang membina jaringan baharu (0.415) turut menjadi elemen luaran yang menyumbang kepada pembentukan jati diri seseorang sukarelawan. Jaringan baharu merujuk kepada hubungan dan interaksi dengan individu dan kumpulan lain yang terlibat dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan. Melalui jaringan baharu, sukarelawan dapat bertukar pengalaman serta idea dengan individu yang mempunyai latar belakang dan perspektif yang berbeza. Perkongsian idea dan pengalaman ini memperkayakan pengetahuan dan pandangan individu, membantu mereka memahami pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah dan melaksanakan tugas kesukarelawanan dengan lebih efektif. Jaringan ini memberikan sokongan, peluang pembelajaran, kerjasama dan pengiktirafan yang diperlukan untuk memperkukuhkan komitmen dan motivasi sukarelawan. Dengan jaringan yang kukuh, individu dapat mengembangkan sikap dan nilai-nilai kesukarelawanan yang mantap, serta memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada masyarakat.

(v) Wujud sumber dana yang diperlukan (0.350) adalah salah satu elemen luaran yang penting dalam pembentukan jati diri sukarelawan. Sumber dana merujuk kepada dana kewangan atau sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan projek atau aktiviti kesukarelawanan. Sumber dana yang mencukupi membolehkan pelaksanaan projek kesukarelawanan dengan lebih lancar dan efektif. Ini termasuk pembelian peralatan, bahan-bahan, pengangkutan dan perbelanjaan lain yang diperlukan untuk melaksanakan sebarang bentuk aktiviti kesukarelawanan. Dengan sokongan kewangan yang kukuh, sukarelawan dapat memberi sumbangan yang lebih bermakna dan berkesan kepada masyarakat.

Komponen lain dalam elemen luaran juga mempunyai nilai *R-square* signifikan yang tersendiri dalam pembentukan jati diri kesukarelawan belia dan tidak boleh di pandang rendah. Walaupun nilai *R-square* adalah kecil dan mungkin tidak memberikan sumbangan yang besar dalam menjelaskan variasi dalam pembentukan jati diri kesukarelawanan belia jika dibandingkan dengan komponen lain yang mempunyai nilai *R-square* yang lebih tinggi, ia masih memberikan sumbangan yang penting dalam keseluruhan proses. Dari itu, adalah penting untuk organisasi kesukarelawanan memahami elemen luaran ini kerana ia akan membantu mereka membentuk strategi dan program yang dapat memaksimumkan kesan positif faktor luaran terhadap pembentukan jati diri sukarelawan.

Rajah 4: Komponen Jati Diri Kesukarelawanan



Rajah 4 menunjukkan komponen jati diri kesukarelawanan belia. Hasil penyelidikan menunjukkan terdapat lima elemen utama yang menyumbang kepada jati diri sukarelawan. Apa yang nyata, jati diri dikaitkan secara langsung dengan nilai, sifat, personaliti dan ciri-ciri individu. Jati diri kesukarelawanan ini terbentuk melalui elemen dalaman dan luaran yang dilalui oleh seseorang individu. Komponen jati diri kesukarelawanan yang terhasil melalui model yang dibentuk terdiri daripada elemen berikut;

(i) Kesetiaan (0.861) merujuk kepada kesediaan dan komitmen untuk seseorang individu terus terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan tanpa mengira cabaran atau kesukaran yang mungkin timbul. Sukarelawan yang setia membawa kepada kestabilan organisasi kesukarelawanan, memperkukuhkan hubungan dengan masyarakat dan memberi inspirasi kepada sukarelawan lain untuk turut serta dalam aktiviti kesukarelawanan. Oleh itu, nilai yang tinggi bagi kesetiaan dalam jati diri sukarelawan menunjukkan komitmen yang kukuh dan kesediaan untuk memberi sumbangan yang berterusan kepada masyarakat.

(ii) Motivasi diri (0.813) ialah keupayaan untuk menetapkan dan mengejar matlamat peribadi dan aspirasi personal. Sukarelawan yang mempunyai motivasi diri yang tinggi biasanya mempunyai ketekunan dan kesabaran yang tinggi dalam mengejar matlamat mereka. Mereka tidak mudah putus asa dan bersedia untuk menghadapi cabaran atau halangan yang mungkin timbul. Motivasi diri yang tinggi membawa kepada pencapaian diri, kepuasan peribadi dan impak positif yang lebih besar dalam aktiviti kesukarelawanan. Individu yang mempunyai motivasi diri yang tinggi sentiasa mencari peluang untuk belajar dan memperbaiki diri dalam usaha mereka untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada masyarakat.

(iii) Keyakinan diri (0.711) merujuk kepada kepercayaan yang tinggi terhadap kemampuan dan potensi diri seseorang individu dalam melaksanakan tugas, tanggungjawab dan khidmat kepada masyarakat. Individu yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi cenderung untuk menjadi optimis dan tabah dalam menghadapi cabaran atau ketidakpastian dalam aktiviti kesukarelawanan. Mereka percaya bahawa mereka mampu mengatasi rintangan dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Sukarelawan yang mempunyai keyakinan diri tinggi juga mempunyai kekuatan mental dan emosi yang kukuh dalam menghadapi tekanan dan cabaran, sentiasa bersedia

untuk mencuba pendekatan yang lebih berani dan inovatif dalam menyelesaikan masalah-masalah sosial.

(iv) Relawan berkorban (0.662) merujuk kepada kesediaan dan kesanggupan untuk mengorbankan sesuatu yang berharga seperti masa, tenaga atau wang untuk memberi sumbangan kepada masyarakat atau menyokong usaha kesukarelawanan. Individu yang rela berkorban bersedia untuk mengorbankan keperibadian mereka sendiri untuk kepentingan yang lebih besar. Mereka mungkin mengambil risiko atau menanggung beban tambahan demi membantu orang lain dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan. Relawan berkorban juga melibatkan ketulusan dan ikhlas dalam memberi sumbangan kepada masyarakat tanpa mengharapkan ganjaran atau pengiktirafan peribadi. Sukarelawan yang rela berkorban melakukan perbuatan baik bukan kerana ingin dilihat atau dihargai, tetapi kerana mereka mempunyai keinginan yang tulus ikhlas untuk membantu orang lain.

(v) Kepimpinan (0.617) merujuk kepada keupayaan dan kemampuan seseorang untuk mempengaruhi serta membimbing orang lain dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan, serta untuk memberi contoh yang baik dalam tindakan dan sikap mereka. Pemimpin sukarelawan memberi inspirasi, membimbing dan membantu dalam pembangunan potensi individu lain dalam masyarakat untuk mencipta perubahan yang positif, mempengaruhi dan membimbing orang lain dalam usaha untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat.

Ringkasnya, jati diri sukarelawan belia terbentuk dan terpupuk melalui proses sosialisasi dan pengalaman yang dilalui oleh seseorang individu, menjadi binaan yang kompleks terbentuk daripada pelbagai sifat, sikap, nilai peribadi, personaliti, watak, karakter, kepercayaan, persepsi diri, emosi dan motivasi intrinsik serta elemen-elemen luaran yang lain. Jati diri sukarelawan belia adalah hasil daripada interaksi yang kompleks antara faktor dalaman dan luaran yang membentuk individu secara holistik. Proses pembentukan ini merupakan sosialisasi yang berterusan, diperkaya dengan pengalaman, refleksi dan hasil pembelajaran, serta menyumbang kepada pertumbuhan peribadi dan sumbangan positif kepada masyarakat.

## 5. Perbincangan

Model pembentukan jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia merupakan manifestasi yang menentukan penglibatan individu dalam kerja-kerja amal dan khidmat kepada masyarakat. Dapatan kajian membuktikan kedua-dua elemen dalaman dan luaran mempunyai kesan langsung yang signifikan positif terhadap pembentukan jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia di Malaysia. Kedua-dua elemen ini menjadi pemangkin yang membentuk cara sukarelawan belia melihat diri mereka sendiri, melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela dan akhirnya menyumbang kepada pembangunan jati diri mereka. Dari perspektif elemen dalaman, usaha menerapkan nilai-nilai murni dalam diri individu akan melahirkan jati diri yang unggul serta dapat mengukuhkan karakter personaliti seseorang individu. Apabila sukarelawan belia merasakan bahawa nilai diri mereka sebagai refleksi kepada aktiviti kesukarelawanan, ia juga akan membantu mengukuhkan lagi jati diri mereka. Dengan terpupuknya jati diri kesukarelawanan, ia akan mendorong individu untuk membuat perubahan dalam masyarakat dan boleh membawa kepada komitmen yang lebih besar untuk menjadi sukarelawan. Sebagai tambahan, disebabkan sukarelawan belia memperoleh kemahiran dan kecekapan melalui aktiviti sukarelawan, mereka mungkin mengembangkan rasa efikasi dan kecekapan diri (Kok et al., 2020).

Dalam pada itu, motivasi intrinsik, yang lahir dari minat peribadi dan keinginan untuk membantu orang lain, adalah pemacu jati diri yang kuat. Apabila sukarelawan belia mempunyai motivasi intrinsik, jati diri mereka sebagai seorang sukarelawan akan lebih kuat dan berkekalan. Dengan kata lain, penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan juga dapat meningkatkan motivasi intrinsik sukarelawan. Dari itu, individu yang kerap kali melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawanan dilihat mempunyai tahap keperibadian diri yang lebih baik berbanding dengan individu yang tidak pernah terlibat dengan mana-mana aktiviti kesukarelawanan (Siti Nathrah & Fuziah, 2020). Walau bagaimanapun, Jardim dan da Silva (2018) menekankan bahawa banyak kajian terkini telah membuktikan bahawa kesediaan individu untuk menjadi sukarelawan lebih bergantung kepada minat peribadi dan keperluan daripada menghargai nilai tradisional seperti berkhidmat kepada orang lain dan rasa tanggungjawab kepada masyarakat setempat. Matlamat, objektif, motivasi atau tindakan agenda peribadi mungkin antara pengaruh langsung terhadap tingkah laku sukarelawan, seperti yang dinyatakan oleh Snyder dan Cantor (1998).

Dengan melibatkan diri dalam kerja atau khidmat sukarela, secara langsung akan melahirkan rasa kebertanggungjawaban diri yang tinggi. Individu akan merasakan bahawa tindakan mereka mempunyai makna dalam menyumbang perkara yang bermanfaat kepada orang ramai, dan mereka akan lebih prihatin dari sisi pengembangan sosial. Penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan memerlukan komitmen individu dari pelbagai aspek, termasuk masa, tenaga, kewangan, kepakaran, idea dan sebagainya, tanpa mengharapkan sebarang balasan terhadap sumbangan yang diberikan (Normah & Ain Zahirah, 2021). Dalam pada itu, pengalaman sebagai sukarelawan juga boleh membawa kepada pertumbuhan nilai peribadi, pembentukan diri dan peningkatan sendiri. Perkembangan elemen dalaman ini boleh memberi kesan yang ketara kepada persepsi belia sebagai sukarelawan dan dalam kehidupan mereka secara total. Ironinya, memilih untuk menjadi seorang sukarelawan kerana ia mewakili nilai teras, kepercayaan atau sikap seseorang boleh dikatakan insentif paling bermakna dalam kehidupan seseorang individu (Stukas et al., 2014). Dengan demikian, individu yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan akan mengalami perubahan dalam diri mereka, seperti dapat meningkatkan kemahiran insaniah, memupuk semangat kerjasama dan membudayakan sifat tolong-menolong dalam masyarakat (Intan Suria et al., 2022). Melalui terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan, individu akan lebih cenderung untuk memahami dan menghargai keadaan serta keperluan orang lain. Ini membantu memperkuatkan kemahiran empati dan kesedaran sosial, yang merupakan aspek penting dalam perkembangan keperibadian dan jati diri kesukarelawanan.

Di samping itu, elemen luaran juga membawa pengaruh langsung kepada proses pembentukan jati diri sukarelawan belia. Hasil kajian membuktikan bahawa budaya dan nilai organisasi sukarelawan memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri individu. Sesebuah organisasi kesukarelawanan berperanan yang memupuk semangat bermasyarakat, memberi sokongan dan penghargaan kepada sukarelawan boleh menyumbang kepada pembangunan identiti diri yang lebih kukuh. Sementara itu, mempunyai mentor dan teladan yang menyokong (Kok et al., 2020) dalam kalangan organisasi kesukarelawanan boleh mempengaruhi cara sukarelawan melihat diri mereka sendiri. Hubungan yang positif dengan sukarelawan yang lebih berpengalaman boleh memberi bimbingan, galakan dan rasa kekitaan bersama. Sukarelawan yang lebih berpengalaman dapat memberikan arahan yang lebih tepat dan membantu individu yang baru terlibat untuk memahami konsep kesukarelawanan dan cara-cara untuk melaksanakannya (Intan Suria et al., 2022). Hal inilah yang boleh dikaitkan dengan 'kepimpinan melalui teladan', 'yang tua dihormati, yang muda disayangi'.

Kecenderungan media sosial dan isu semasa juga boleh membentuk jati diri kesukarelawanan belia. Dalam era digital, media sosial telah menjadi salah satu platform yang paling popular untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Individu yang aktif menggunakan media sosial akan mendapatkan inspirasi dan motivasi untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan melalui konten-konten yang disiarkan oleh organisasi kesukarelawanan dan individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kesukarelawanan. Selain itu, media sosial juga boleh meningkatkan kesedaran sosial individu terhadap isu-isu semasa. Ini kerana individu yang aktif dalam media sosial akan memperoleh maklumat yang lebih luas dan membangun kesedaran sosial yang lebih tinggi.

Tuntasnya, dengan memahami dan memanfaatkan elemen dalaman dan luaran yang dikemukakan menerusi model kajian, pihak berkepentingan, organisasi kesukarelawanan, badan bukan kerajaan dan masyarakat setempat boleh menjadikan model ini sebagai panduan dalam usaha untuk terus memupuk dan memperkasa jati diri kesukarelawanan dalam diri individu. Dengan menyelaraskan peluang sukarelawan antara nilai dan minat individu, mencipta persekitaran yang menyokong dan mengiktiraf sumbangan mereka, antara faktor yang memupuk jati diri kesukarelawanan kukuh dan berkekalan. Dengan kata lain, proses sosialisasi individu akan mempengaruhi imaginasi sosiologi dalam pembentukan jati diri sukarelawan. Matsuba et al. (2007) menegaskan bahawa pembentukan identiti membantu bertindak sebagai perantara antara kesan pelbagai jenis personaliti pada orang dewasa. Ironinya, model yang telah berjaya dibentuk boleh digunakan sebagai panduan yang signifikan penting bagi memupuk jati diri kesukarelawanan belia Malaysia.

## 6. Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian terhadap dimensi pembentukan jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia di Malaysia adalah penting untuk diberi perhatian serius. Hakikatnya, golongan muda adalah aset masa depan negara, terutamanya dalam pembangunan dan kelestarian negara-bangsa Malaysia. Populasi belia adalah sumber yang bernilai dan tumpuan ke atas pembentukan jati diri mereka bukannya tindakan sia-sia. Tindakan melabur dalam pendidikan belia dan pembangunan kemahiran insaniah dapat memastikan mereka bersedia untuk menyumbang khidmat bakti kepada pembangunan negara. Golongan belia yang berpendidikan dan berkemahiran dapat memacu kemajuan teknologi dan peningkatan produktiviti negara kelak. Pada masa yang sama, belia seringkali berada di barisan hadapan dalam perubahan sosial dan budaya, menjadi teras kepada aktiviti kesukarelawanan. Aktiviti kesukarelawanan akan mengukuhkan nilai tanggungjawab sosial. Ini akan menyumbang kepada pembangunan kompas moral dan nilai etika yang kukuh dan secara langsung menyemai jati diri yang unggul. Ironinya, kejayaan pembentukan jati diri yang unggul adalah teras kepada pembangunan diri belia yang holistik.

Model Jati Diri Kesukarelawanan Belia Malaysia berjaya dibentuk sebagai indikator kritikal untuk terus membangunkan belia yang mempunyai perwatakan, personaliti dan jati diri kesukarelawanan yang akan memberi inspirasi kepada masyarakat. Model ini menunjukkan bahawa faktor dalaman adalah pemangkin utama dalam membentuk jati diri sukarela, diikuti oleh faktor luaran. Secara amnya, untuk membentuk jati diri kesukarelawanan belia, elemen dalaman perlu dibangunkan secara menyeluruh supaya belia mempunyai jati diri yang kukuh untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sukarela, di samping tidak mengabaikan elemen luaran yang lain.

## 7. Penghargaan

Pasukan penyelidik menghargai dan berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah menaja kajian ini dan membantu dalam kelancaran penyelidikan ini.

Penyelidikan ini telah ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui *The Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) untuk tajuk spesifik Pembentukan Model Jati Diri Sukarelawan Belia Malaysia (FRGS/1/2021/SS0/UPM/02/6).

## 8. Rujukan

- Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad. (2013). Motives for the involvement of sports volunteers in higher education institutions. *In Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge, WCIK 2013. Langkawi, Malaysia.*
- Allen, J.P., Kuperminc, G., Philliber, S. & Herre, K. (1994). Programmatic prevention of adolescent problem behaviors: The role of autonomy, relatedness, and volunteer service in the Teen Outreach Program. *American Journal of Community Psychology, 22(5), 617-638.*
- Anderson, J. C. & Larry F. M. (1978). The motivation to volunteer. *Journal of Voluntary Action Research, 7, 120-129.*
- Azizan Bahari. (2003). Appreciate volunteering. Qarya Sdn Bhd. Bang, H. & Ross, S. D. (2009). Volunteer motivation and satisfaction. *Journal of Venue and Event Management, 1(1), 61-77.*
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science, 8, 156-159.*
- Dorsch, K. D., Riemer, H. A., Sluth, V., Paskevich, D. M. & Chelladurai, P. (2002). What affects a volunteer's commitment? Canadian Centre for Philanthropy, Toronto.
- Geiser, C. H., Okun, M. A., Grano, C. (2014). Who is motivated to volunteer? A latent profile analysis linking volunteer motivation to frequency of volunteering. *Psychological Test and Assessment Modeling, 56(1), 3-24.*
- Grant, S., Maass, S., Vetter R., Harrington, R., O'Neil, K., McGlaughlin, P. & Good, T. (2020). The impact of volunteering: A multi-state study of 4-h youth development volunteers. *Journal of Youth Development, 15(4), 32-50.*
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2010). *Multivariate Data Analysis*. Pearson Education.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2019). *Fact and Figures Malaysian Youth Index Outcome Evaluation*. IYRES.
- Intan Suria Hamzah, Siti Aisyah Mohamad Zin, Mohamad Basri Jamal, Muhammad Ridhwan Sarifin & Latun Azizah Kamarudin. (2022). Peranan Aktiviti Sukarela dalam Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa. *Jurnal Perspektif, Jil. 14, Isu Khas, 67-80.*
- Jardim, C. & da Silva, S. M. (2018). Young people engaging in volunteering: Questioning a generational trend in an individualized society. *Societies, 8(8), 1-11.*
- Kok, C. M., Espinoza, D. M., Worker, S. M., Go, C. & Miller, J. C. (2020). Identification of priority skill areas for volunteer professional development. *The Journal of Youth Development, 15(4), 51-67.*
- Kuperminc, G.P., Holditch, P.T., & Allen, J.P. (2001). Volunteering and community service in adolescence. *Adolescent Medicine: State of Art Reviews, 12, 445-457.*
- McKinney, K.G. (2002). Engagement in community service among college students: Is it affected by significant attachment relationships? *Journal of Adolescence, 25, 139-154.*
- Musick, M., & Wilson, J. (2003). Volunteering and depression: The role of psychological and social resources in different age groups. *Social Science and Medicine, 56(2), 259-269.*
- Norehan Abdul Rahman. (2018). *The level of involvement in voluntary activities and its effects on the personal well-being of early adults in Kedah*. Social Science Master's Thesis, Universiti Sains Malaysia.



- Normah Awang Noh & Ain Zahirah Mohd Zahid. (2021). Manfaat penglibatan dalam kesukarelawanan terhadap pembangunan kemahiran dan sosial dalam kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 67-84.
- Nur Raihan Che Nawi dan Azizan Asmuni. (2013). Motivation of volunteers towards involvement in voluntary work at Yayasan Salam Malaysia. *In Proceedings of the Postgraduate Seminar in Education (GREDEC 2013)*. Faculty of Education Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Oesterle, S., Johnson, M. K. & Mortimer, J. T. (2004). *Volunteerism during the transition to adulthood: A life course perspective*. *Social Forces*, 82(3), 1123-1149.
- Roberts, M. (2006). Duffle bag Medicine. *Journal of the American Medical Association*, 295, 1491-1492.
- Saifuddin Abdullah. (2001). Voluntary movement generates meaningful change. Majlis Belia Malaysia, Yayasan Salam Malaysia & Akademi Belia.
- Shariffah Mamat. (2013). *Volunteerism: My beautiful Malaysia day 2013*. Bulletin of the Malaysian Youth Development Research Institute. First Edition 2013. Ministry of Youth and Sports.
- Shariffar F., Jamaliam Z., Nikbakhsh R., Ramezani Z. N. (2011). *Influence of social factors and motives on the commitment of sport events volunteers*. *World Academy of Science, Engineering, and Technology*, 77, 1078-1082.
- Siti Nathrah Che Fazilah & Fuziah Shaffie. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan: Satu kajian literatur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 25-38.
- Snyder, M., & Cantor, N. (1998). Understanding personality and social behavior: A functionalist strategy. In D. Gilbert, S. Fiske, & G. Lindzey (Eds.), *The Handbook of Social Psychology: Vol. 1 (4th ed., pp. 635-679)*. McGraw-Hill.
- Stukas, A., Snyder, M., Clary, E. G. (2014). Volunteerism and community involvement: Antecedents, experiences, and consequences for the person and the situation. In D. A. Schroeder, D. A. & Graziano, W. (Eds.), *The Oxford Handbook of Prosocial Behavior*. Oxford University Press.
- Tessier, S., Nguyen Minh-Nguyet, Gagnon, K. (2006). Youth volunteerism: Research report. Knowledge Development Centre.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. (2016). Youth and volunteering programs in Malaysia: An empirical study. *Geografi a Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (10), 183 – 194.
- Wasitah Mohd Yusof. (2013). *Voluntariness*. Bulletin of the Malaysian Youth Development Research Institute. First Edition 2013. Ministry of Youth and Sports.
- Wilson, J. (2000). Volunteering. *Annual Review of Sociology*, 26, 215-240. Wu J., Lo T. W., & Liu E. S. C. (2009). Psychometric properties of the volunteer functions inventory with Chinese students. *Journal of Community Psychology*, 37(6), 769-780.
- Xu, Y. & Ngai, N. P. (2011). Moral resources and political capital: Theorizing the relationship between voluntary service organizations and the development of civil society in China. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 40(2), 247–269.
- Youniss, J., McLellan, J.A., & Mazer, B. (2001). Voluntary service, peer group orientation and civic engagement. *Journal of Adolescent Research*, 16, 456-468.